

Headline	Akhirnya kebun haram dimusnah		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	03 Oct 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	1,4	ArticleSize	1095 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 36,398
Journalist	Ismail Mat	PR Value	RM 109,194
Frequency	Daily		



Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

Khamis, 3 Oktober 2019
4 Safar 1441H
Tel: 1 300 22 6787
PP 616/10/2012(030686)

Eksklusif

Kebun haram warga asing dimusnah

Muka 4

Headline	Akhirnya kebun haram dimusnah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,4	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	1095 cm ²
Journalist	Ismail Mat	AdValue	RM 36,398
Frequency	Daily	PR Value	RM 109,194



Operasi memusnahkan kebun sayur haram atas tanah kerajaan di Bukit Beruntung, semalam.

(Foto Zunnur Al Shafiq /BH)

Ladang haram warga asing

Akhirnya kebun haram dimusnah

Operasi babit penggunaan jentera berat, runtuh struktur dibina penceroboh

Oleh Ismail Mat
ismailmat@bh.com.my

Bukit Beruntung: Selepas kira-kira 10 tahun terhindar daripada tindakan penguasaan, kebun sayur komersial yang diusahakan warga asing secara haram dengan menceroboh tanah kerajaan dekat sini, akhirnya dimusnahkan pihak berkuala dalam operasi berspadu, bermula pagi semalam.

Operasi yang dijadualkan semalam dan hari ini, bermula seawal jam 9 pagi, membabitkan 75 pegugas dikenai Ketua Penolong Pegawai Daerah (KPPD) Hulu Selangor, Mazalan Zainuddin.

Gerakan meruntuh struktur dan memusnahkan kebun sayur terbabit disertai petugas penguasaan kuasa Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Selangor; Polis Diraja Malaysia (PDRM); Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS); Tenaga Nasional Berhad (TNB); Air Selangor; Jabatan Imigresen dan Jabatan Kerja Raya.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Musa Ranli, berkata operasi berspadu itu turut membabitkan

penggunaan jentera berat termasuk enam ekskavator; dua traktor dan lapan lori, bagi memusnahkan keseluruhan struktur yang dibina penceroboh dan pelbagai jenis sayur-sayuran yang ditanam di atas kawasan terbabit.

"Tindakan dan operasi penguasaan ini dijalankan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu membabitkan perbuatan menduduki tanah kerajaan secara tidak sah.

"Daripada 12 hektar tanah kerajaan yang diceroboh di sini, hanya selua 1.75 ekar (0.7 hektar) sudah dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL)," kata dia kepada BH.

Berita Harian (BH) Ahad pada 8 September lalu, secara eksklusif membongkar kegiatan warga asing yang menceroboh tanah kerajaan dan persendirian seluas kira-kira 60 hektar di situ yang sebahagian besarnya terletak di bawah kabel voltan tinggi sebagai kebun sayur komersial secara haram sejak 10 tahun lalu.

Kedegilan warga asing yang dinamai individu kenamaan tertentu itu, terserlah apabila mereka mengabaikan notis pengosongan kawasan berkenaan yang dikeluarkan oleh PDT Hulu Selangor.

Kehadiran warga asing menceroboh tanah kerajaan di situ bermula apabila mereka diupah pihak tertentu bagi mengusahakan tanah yang diluluskan secara TOL di situ, sebelum pendatang berterbit membawa masuk adik



Penguasaan kuasa menebas menggunakan parang bagi memusnahkan kebun haram di kawasan lembah yang tidak dapat dimasuki jentera.



Keratan akhbar BH 8 dan 9 September 2019.

beradik dan warga asing lain bersama-sama menceroboh tanah kerajaan serta persendirian di situ.

Sepanjang pencerobohan tanah, mereka mengusahakan kawasan terbabit dengan sayur-sayuran berdaun dan buah seperti sawi, bayam, kangkung, terung dan peria. Semua hasil kebun dihantar setiap hari kepada pemborong di Pasar Borong Selangor untuk pasar sekitar Lembah Klang.

Musa berkata, tindakan penguasaan dijalankan semalam dan hari ini membabitkan pencerobohan struktur tanaman di atas tanah kerajaan yang dianggarkan seluas 11.8 hektar (29.25 ekar).

Beliau berkata, sebelum tindakan pemusnah struktur binaan dan kebun sayur itu dijalankan, pihaknya terlebih dahulu sudah mengeluarkan Notis 425 pada 29 Julai lalu yang disusuli Notis Peringatan pada 20 Ogos, mengarahkan kawasan diceroboh itu dikosongkan oleh pihak berkenaan.

Katanya, Jabatan Imigresen Selangor juga membuat serbuan terhadap tapak kebun sayur itu dan menahan 26 pendatang asing yang berada di tapak kebun sayur komersial itu.

"Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor serta jabatan berkaitan akan melakukan pemantauan berterusan terhadap kawasan terbabit bagi memastikan tiada lagi pencerobohan tanah kerajaan di situ," katanya.

Headline	Polis buka kertas siasatan hina Sultan Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	1,3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,246
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,738



Polis buka kertas siasatan hina Sultan Selangor »3

Polis buka kertas siasatan hina Sultan Selangor

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan membuka satu kertas siasatan terhadap pemilik akaun Facebook bernama Nga Kor Ming Super Fan Page kerana memuat naik kenyataan berbaur menghina Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Mansor berkata, siasatan itu dibuat selepas satu laporan polis diterima pihaknya di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam kira-kira pukul 11.15 pagi semalam.

"Polis menerima satu laporan polis merujuk kepada kenyataan

biadab dikeluarkan satu akaun Facebook menggunakan nama Nga Kor Ming Super Fans Page terhadap Sultan Selangor dan kes itu sedang disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan.

"Biar kita siasat dalam semua aspek dulu, saya tak mahu komen lanjut buat masa ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis Penutupan Kursus Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisian), Diploma Siswazah Sains Kepolisian (DSSK) dan Diploma Eksekutif Sains Siasatan (DESS) sesi 2017/2019 di sini hari ini.

Terdahulu majlis tersebut

disempurnakan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Ahad lalu, tersebar hantaran dalam tulisan Cina menerusi sebuah akaun Facebook bernama Nga Kor Ming Super Fans Page yang didakwa mengajak kaum Cina melakukan bantahan terhadap Sultan Selangor berkaitan penggunaan tulisan jawi.

Dalam perkembangan lain, Mazlan berkata, pihaknya masih melakukan siasatan berhubung keputusan Mahkamah Koroner Shah Alam membabitkan kematiian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim akibat

dipukul oleh sekumpulan lelaki.

"Dalam siasatan, kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja bagi membantu siasatan dan mungkin ada saksi lain yang diperlukan. Jadi biar kita siasat dulu.

"Lagipun siasat masih berjalan dan apa sahaja nota prosiding inkues kita akan kaji dan rujuk dengan Peguam Negara," jelasnya.



MAZLAN MANSOR

Headline	Sekolah kutip 6.41kg bahan kitar juara kempen MBSA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	63	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,180
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,540



Sekolah kutip 6.41kg bahan kitar juara kempen MBSA

Shah Alam: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19, di sini, berjaya memenangi Kategori Sekolah Menengah dalam Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah 2019 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Johan mengetepikan saingan 17 sekolah lain dalam kategori sama dengan kutipan 6.41 kilogram (kg) bahan kitar semula, sekali gus menerima hadiah wang tunai RM2,000.

Guru Penasihat Kitar Semula SMK Seksyen 19, Rosliza Darus, berkata sekolah itu sudah beberapa kali menyertai kempen berkenaan dengan kedudukan terbaik diraih sebelum ini ialah tempat keempat.

“Nasib menyebelahi kami kerana pelbagai kempen dijalankan di sekolah, selain mendapat kerjasama daripada pelajar, guru serta pihak pentadbir sekolah.

“Kempen bermula Januari lalu dengan guru dan pelajar digalakkan membawa bahan boleh dikitar semula ke sekolah,” katanya pada majlis penutupan Kempen Kitar Semula Peringkat Sekolah MBSA, di



Kempen itu dilihat beri impak positif berikutan peningkatan penyertaan sekolah dan kutipan bahan kitar semula.

Haris Kasim,
Datuk Bandar Shah Alam

sini, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Melalui program itu, beliau berkata, pelajar juga menjadi lebih peka dan semakin menyedari kepenti-

ngan amalan kitar semula.

Sementara itu, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Hicom muncul juara Kategori Sekolah Rendah, manakala Kategori Prasekolah diungguli Tadika Montessori Safinatus Najaah.

Sementara itu, Haris berkata, program memasuki kali ke-12 itu mencatat penambahbaikan dari setahun ke setahun.

“Kita tidak meletakkan kayu ukur bagi kempen ini. Ia adalah proses pembelajaran, justeru kita mengadakannya pada peringkat sekolah.

“Kita muah menyemai amalan kitar semula dari sekolah lagi dan diteruskan di rumah,” katanya.

Beliau berkata, program itu dilihat memberi impak positif berikutan peningkatan penyertaan sekolah dan kutipan bahan kitar semula.

Tahun ini, katanya, sebanyak 190,367.99kg bahan kitar semula dikumpul berbanding 175,161kg pada kempen tahun lalu, manakala kutipan e-waste (elektrik dan elektronik) pula mencatat 1,525 unit.

Headline	Pengiring Sultan Selangor buat laporan polis		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	4	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,185
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,555



Pengiring Sultan Selangor buat laporan polis

Cheras: Polis menerima satu laporan berhubung kenyataan biadab berunsur menghasut terhadap Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang dikeluarkan pemilik akaun Facebook (FB) Nga Kor Ming Super Fans Page.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor berkata, laporan berkenaan dibuat pengiring Sultan Selangor di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam, jam 11.15 pagi, kelmarin.

"Laporan itu dibuat susulan kenyataan biadab dikeluarkan pemilik akaun berkenaan yang menulis satu hantaran dalam tulisan Cina," katanya ringkas ketika ditemui dalam Majlis Penutupan Kursus Program Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisian), Program Diploma Siswazah Sains Kepolisian dan Diploma Eksekutif Sains Si-

satan Sesi 2017/2019 di Maktab PDRM, Cheras, semalam.

Hadir sama, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador yang menyempurnakan majlis penutupan majlis.

Pada Ahad lalu tersebar satu status pemilik akaun Facebook Nga Kor Ming Super Fans Page menulis kenyataan biadab berunsur menghasut yang mengajak kaum Cina melakukan bantahan terhadap Sultan Selangor.

Kenyataan itu mengajak orang ramai untuk membenci Sultan Selangor susulan arahan baginda yang mengarahkan papan tanda jalan di Shah Alam yang menggunakan tulisan Cina digantikan dengan papan tanda jalan menggunakan bahasa Melayu.

Mazlan Mansor

Laporan itu dibuat susulan kenyataan biadab dikeluarkan pemilik akaun berkenaan yang menulis satu hantaran dalam tulisan Cina

Headline	Jalan sesak 3km akibat paip pecah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	15	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,082
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,245



BEBERAPA pekerja kontraktor mengeluarkan paip saluran air yang pecah di Jalan Universiti, semalam.

Jalan sesak 3km akibat paip pecah

Petaling Jaya: Aliran trafik di Jalan Universiti dan Jalan 17/41 di sini, sesak susulan kejadian paip pecah, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din berkata, kejadian pada jam 6 pagi itu turut mengakibatkan kereta Proton Saga terperangkap dalam takungan air.

"Kenderaan terperangkap ditarik keluar Majlis Banda-

raya Petaling Jaya dan dibawa keluar dari lokasi.

"Anggota polis juga ditempatkan di lokasi bagi mengawal lalu lintas dan kerja pemberian dijalankan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kejadian menyebabkan kesesakan sejauh tiga kilometer berikutnya laluan itu dinaiki air hampir setengah meter.

Headline	Perlu masa siasat dalang cemar Sungai Semenyih		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	28	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	329 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,882



Kuala Lumpur: Siasatan terhadap punca pencemaran Sungai Semenyih yang menyebabkan 204 kawasan membabitkan 372,031 akaun pelanggan berdaftar di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas masih giat dijalankan.

Jurucakap Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berkata, walaupun punca pencemaran sudah diketahui, ia memerlukan masa untuk mendapatkan maklumat pihak yang bertanggungjawab menyebabkan sumber air sungai itu terjejas.

Menurutnya, kini Loji Rawatan Air Sungai Semenyih sudah pulih dan beroperasi sepenuhnya selepas gangguan bekalan sebelum ini dapat diatasi mengikut pro-

Perlu masa siasat dalang cemar Sungai Semenyih

sedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan agar tidak mengganggu aktiviti harian pengguna.

"Siasatan masih dijalankan walaupun pencemaran sudah diketahui akibat pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih akibat masalah pembentungan," katanya ketika dihubungi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwal Pengguna Selangor Hee Loy Sian sebelum ini dilaporkan berkata, pence-

maran bau mengakibatkan Sungai Semenyih ditutup dipercaya berpunca daripada pembuangan sisa tidak dibenarkan ke dalam sistem pembetungan.

Punca itu diperoleh susulan siasatan dijalankan pasukan daripada LUAS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas sistem saluran utama jaringan pembetung awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

Siasatan juga mendapat satu saluran utama berbau pelarut yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemasukan bahan itu sebe-

lum ke loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"LUAS bersama pihak terbabit sedang berusaha mengetahui pasti pihak yang melakukan pencemaran berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani isu itu.

"Pihak yang didapati ber salah boleh disiasat dan dihukum mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79, Enakmen LUAS 1999 tertakluk kepada hasil analisa pen-sampelan dilakukan Jabatan Kimia Malaysia," katanya.

Headline	Polis siasat kenyataan hasutan terhadap Sultan Selangor		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	162 cm ²
Journalist	MALINDA ABDUL MALIK	AdValue	RM 4,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,661



Polis siasat kenyataan hasutan terhadap Sultan Selangor

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Polis sedang menjalankan siasatan berhubung satu kenyataan berunsur hasutan terhadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang dimuat naik pemilik Facebook menggunakan nama Nga Kor Ming Super.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor berkata, pihaknya menerima laporan yang dibuat pengiring Sultan Selangor di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam pukul 11.15 pagi kelmarin.

"Laporan dibuat se-



MAZLAN

malam (kelmarin) dan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 4(1) Akta Siasatan 1948," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penutupan Kursus Ijazah Sarjana Sains So-

sial (Pengajian Kepolisian, Diploma Siswazah Sains Kepolisian) (DSSK) dan Diploma Eksekutif Sains Siasatan (DESS) Sesi 2017/20 di Makaht PDRM Cheras di sini semalam.

Ahad lalu tular satu hantaran di laman Facebook *Nga Kor Ming Super Fans Page* dalam tulisan Cina yang didakwa mengajak

kaum Cina melakukan bantahan terhadap Sultan Selangor berhubung isu penggunaan papan tanda jalan dwi-bahasa di Selangor.

Dalam pada itu, media sebelum ini melaporkan, Kor Ming menafikan membuat hasutan di media sosial agar kaum Cina membuat bantahan terhadap Sultan Selangor ber-

hubung isu papan tanda yang mempunyai tulisan Cina.

Beliau dalam catatan yang dimuat naik dalam Facebook miliknya memberitahu, hantaran di laman sosial dalam tulisan Cina menggunakan nama *Nga Kor Ming Super Fans Page* bukan daripadanya atau DAP.

Headline	MBSA tawar pelbagai insentif		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	30	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	134 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,522



MBSA tawar pelbagai insentif

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menawarkan pelbagai insentif menarik sempena ulang tahun Bandaraya Shah Alam ke-19.

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA menerusi satu kenyataan semalam memaklumkan, antara insentif menarik itu adalah kempen pengurangan kompaun sebanyak 50 peratus sepanjang bulan ini.

Menurut kenyataan itu, beberapa kemudahan juga ditawarkan secara percuma pada 10 Oktober ini.

"Kemudahan itu termasuk tempat letak kereta bangunan Wisma MBSA dan tempat letak



**ULANG TAHUN
BANDARAYA
SHAH ALAM KE-19**

kereta hub Seksyen 19. "MBSA turut menawarkan insentif penggunaan padang bola dan futsal di Dataran Kemerdekaan dan Dewan Serbaguna MBSA badminton secara percuma pada hari berkenaan," menurut kenyataan itu.

MBSA juga menawarkan promosi keahlian percuma di perpustakaannya sepanjang bulan ini.

"Insentif ini merupakan tanda penghargaan dan terima kasih pihak MBSA kepada stakeholders khususnya warga kota Shah Alam yang bersama-sama untuk menjadikan Bandaraya Shah Alam sebuah bandar raya yang sejahtera, aman dan harmoni," katanya.

Headline	MARTIAL ARTS EVENT		
MediaTitle	The Star		
Date	03 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	8	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	17 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 408
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,224



MARTIAL ARTS EVENT

Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) will have a self-defence event on Oct 6 from 9am to 7pm at Stadium MPSJ Serdang Jaya. There will be competitions for wushu, silat gayung, silambam and traditional games. Stalls will sell a variety of food.

Headline	Sinkhole wreaks havoc in PJ		
MediaTitle	The Star		
Date	03 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	175,986
Page No	2	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,955



Sinkhole wreaks havoc in PJ



Hole in the road: Air Selangor personnel repairing the leak in the underground pipe. (Inset) The car seen stuck in the sinkhole in Jalan Universiti, Petaling Jaya.— Bernama

Burst underground pipe causes water disruption and backs up traffic

PETALING JAYA: A burst underground pipe along Jalan Universiti here caused a sinkhole large enough to fit a car, back up traffic and cut off water supply.

Water flowed across the road from the damaged outlet yesterday morning creating the sinkhole, which "swallowed" a car.

The passing vehicle was damaged though no injuries were reported.

The location of the sinkhole was in front of the Sin Chew Daily News office, near the former Rothmans roundabout (now a cross junction).

Residents in Section 17 and Section 19 were also left with dry taps as Air Selangor cut off the water flow to repair the leak.

Air Selangor has yet to determine the cause of the incident.

It also could not say when the water supply will resume in the affected areas.

A message left at the Air Selangor hotline at 8pm went unanswered.

A similar incident took place last year at the same spot along Jalan Semangat near the junction leading into Jalan 17/21.

As of 8pm yesterday, the affected households were still without water.